

Headline	Tarif elektrik terendah di Sarawak		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Apr 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	26	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	274 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,753
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,259




Tarif elektrik terendah di Sarawak

Belaga: Penyerahan Empangan Hidroelektrik Bakun mampu mengekalkan kedudukan Sarawak sebagai negeri yang tarif elektriknya paling rendah di Malaysia iaitu pada kadar 28.2 sen per kilowatt per jam, kata Datuk Seri Najib Razak.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, ia mampu menarik lebih banyak pelabur asing ke negeri itu.

“Sarawak memiliki tarif elektrik terendah di Malaysia dan Asia Tenggara iaitu pada kadar 28.2 sen per kilowatt berbanding Semenanjung (39.4 sen per kilowatt per jam).

“Ia tentunya menarik minat lebih ramai pelabur



EMPANGAN
Hidroelektrik Bakun.

asing menanam modal di negeri ini, selain pelbagai insentif ditawarkan kerajaan negeri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penyerahan Empangan Hidroelektrik Bakun, di sini daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Sarawak, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg, Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas,

Menteri Utiliti Sarawak Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sarawak Energy Berhad (SEB) Sharbini Suhaili.

Dalam pada itu, Najib berkata, keputusan Kerajaan Pusat menyerahkan Empangan Hidroelektrik Bakun, di sini kepada kerajaan negeri jelas membuktikan keyakinan terhadap kebolehan ‘anak Sarawak’ mengendalikan sendiri aset strategik berkenaan.